ايينستيتوت تيكنولوڬي مارا

INSTITUT TEKNOLOGI MARA



# MINGGU SILATURRAHIM

JULAI - DISEMBER 1994 JANUARI - JULAI 1995

اينستيتوت تيكنولوكي مارا

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

# MINGGU SILATURAHIM

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|


| | |
|---|---|
| Kata-kata Aluan Menteri Pendidikan Malaysia | 1 |
| Kata-kataAluan Pengerusi Majlis ITM | 2 |
| Kata-kata Aluan Pengarah ITM | 3 |
| Carta Organisasi ITM | 4 - 5 |
| Pengetua Kampus Cawangan ITM | 6 - 7 |
| Dekan Kajian/Pusat | 8 - 9 |
| Penggawa | 10 |
| Falsafah, Objektif & Strategi | 11 - 12 |
| Tujuan Minggu Silaturahim | 13 |
| Peraturan Pelajar Baru | 13 |
| Tugas-tugas Pelajar | 14 |
| Program | 14 |
| Institut Teknologi MARA - Sekali Imbas | 15 |
| ITM Kini | 16 - 17 |
| Pusat-pusat Akademik | 18 |
| Kemudahan Pelajar | 19 - 20 |
| Kemasukan/Dari Kajian ke Kajian | 21 - 23 |
| Dari Kampus ke Kampus | 24 - 26 |
| Lagu-lagu ITM | 27 |
| Wawasan 2020 | 28 |
| Ikrar | 29 |
| Panduan Telefon ITM | 30 - 31 |
| Tunjuk Arah - Kampus | 32 |

***Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim,***

*"Menuntut ilmu adalah fardhu bagi tiap-tiap muslim, baik laki-laki mahupun perempuan".*

***Hadith Riwayat Ibnu Abdulbari,***

*"Iman itu tidak berpakaian, pakaiannya ialah taqwa, perhiasannya ialah malu dan buahnya ialah ilmu".*

***Maksud Surah al-A'raf: 178***

*"Sesungguhnya Kami telah sediakan neraka jahanam bagi sebahagian besar dari jin dan manusia yang mempunyai otak tetapi tidak mahu berfikir, mempunyai mata tidak mahu melihat, dan mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar. Mereka itu seperti binatang, bahkan lebih sesat daripadanya dan mereka itulah orang-orang yang lengah".*



# KATA-KATA ALUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan saudara/i kerana mendapat tempat belajar bagi meneruskan pengajian di Institut Teknologi MARA. Kejayaan saudara/i ini menjadi suatu kebanggaan kepada ibu bapa, saudara/i semasa di bangku sekolah dahulu. Kementerian Pendidikan dan masyarakat keseluruhannya turut sama merasa bangga di atas kejayaan ini yang juga melambangkan kejayaan sistem pendidikan kebangsaan kita.

Dalam usaha mencapai cita-cita dan meraih kejayaan hidup di masa hadapan, sebagai pelajar yang sedar akan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanah air, kita seharusnya peka terhadap perkembangan semasa dan dapat melatih diri kita menjadi seorang pelajar yang berfikiran matang dan positif. Adalah perlu bagi kita menyedari hakikat bahawa pelajar-pelajar merupakan barisan pelapis yang akan meneruskan perjuangan agama, bangsa dan tanah air serta kepimpinan yang ada pada hari ini. Oleh itu, pikullah amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi dan semangat yang tinggi agar cita-cita kita untuk meningkatkan martabat bangsa dan negara akan tercapai dan terlaksana.

Saya amat berharap agar peluang yang ada di Institut Teknologi MARA ini tidak disia-siakan oleh para pelajar. Berusaha ke arah kecemerlangan adalah langkah yang wajar kerana berbagai-bagai kemudahan dan bimbingan sentiasa diberikan di sini. Saudara/i adalah kelompok yang turut terlibat dalam memastikan hasrat dan cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara maju tercapai.

Wawasan 2020 bukan sahaja memerlukan tenaga mahir yang berkualiti tinggi bahkan juga memerlukan mereka memiliki kualiti keinsanan dan taqwa yang unggul bagi menangani pelbagai cabaran yang bakal dihadapi.

Sekian.

Terima kasih.

**DATUK AMAR DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD**
**Menteri Pendidikan Malaysia**



# KATA-KATA ALUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara/i yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Institut Teknologi MARA. Seharusnya kita berbangga dan bersyukur kerana terpilih di antara puluhan ribu pelajar yang turut memohon untuk melanjutkan pelajaran.

Kehadiran saudara/i di sini bererti bertambahlah lagi bilangan tenaga muda bumiputera yang akan dilatih bagi memenuhi keperluan negara di pelbagai sektor awam dan swasta. Adalah diharapkan sepanjang tempoh pengajian saudara/i di ITM ini, kejayaan dan kecemerlangan bukan sahaja akan dicapai dalam bidang akademik tetapi juga meliputi bidang-bidang yang lain. Ketekunan dan kesungguhan saudara/i adalah merupakan asas dalam membentuk diri saudara/i menjadi pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang sepadu.

Institut pengajian tinggi merupakan gedung ilmu yang mampu mempertajamkan dan mematangkan daya fikir. Ilmu yang diperolehi dapat melatih diri untuk bertindak waras dan bijak dengan menjadikan iman sebagai naungan dan disiplin sebagai sandarannya.

Saya berdoa semoga Minggu Silaturahim akan mencapai matlamatnya dan dapat memberi manfaat kepada saudara/i.

Terima kasih.

Wassalam.

**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD**
**Pengerusi Majlis ITM**



# KATA-KATA ALUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa kesyukuran saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama mengadakan Program Minggu Silaturrahim (MSR) pada kali ini.

Selaras dengan konsep penubuhan ITM, kita berkeyakinan kejayaan individu diperolehi melalui pendidikan. Berbagai disiplin ilmu diperkenalkan dengan harapan, didikan dan latihan berkesan dapat melahirkan cendekiawan profesional yang cekap bagi membangunkan diri dan negara.

ITM sebagai Institusi Pengajian Bumiputera yang ulung sedang berupaya untuk melahirkan tenaga muda yang sepadu dari segi mental, jasmani dan rohaninya. Menerusi proses pembelajaran yang baik dan sihat dan pengalaman budaya ilmu dalam kehidupan saudara/i di ITM, ini adalah diharapkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya untuk pembangunan agama, bangsa dan tanahair kelak.

Program MSR ini adalah kursus pertama yang perlu saudara/i lalui di luar siri Program Teras pelajar ITM sehinggalah tamat pengajian. Semoga kejayaan dan kecemerlangan menjadi milik saudara/i.

Selamat Belajar.

Wassalam.

**IR HAJI AHMAD ZAIDEE LAIDIN**
**Pengarah ITM**

# CARTA ORGANISASI INSTITUT TEKNOLOGI MARA

**MENTERI PENDIDIKAN**

**MAJLIS ITM**



**Pengarah**
Ir. Haji Ahmad Zaidee Laidin



**Timbalan Pengarah**
**(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)**
Ir. Dr. Wan Mahmood Wan Abdul Majid



**Penolong Pengarah**
**(Hal Ehwal Pelajar)**
Haji Ramli Ibrahim



**Penolong Pengarah**
**(Hal Ehwal Pelajar)**
Dr. Mohamad Said Zainol



**Penolong Pengarah**
**(Akademik)**
Dr. Syed Noh Syed Ahmad



**Penolong Pengarah**
**(Akademik)**
Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar



**Penolong Pengarah**
**(Akademik)**
Dr. Szarina Abdullah



**Timbalan Pengarah (Pengurusan)**
Dr. Khalifah Othman

**Pengetua Kampus-kampus Cawangan**



**Ketua Pustakawan**
Hajjah Rahmah Muhamad



**Ketua Pusat Pendidikan Persediaan**
Dr. Zaini Hamzah



**Pendaftar**
Hj. Bahadon Ismail



**Bendahari**
Hajjah Siha Saat



**Ketua Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan**
Dr. Haji Munshi Ab. Hamid

# PENGETUA-PENGETUA CAWANGAN

Pengetua
Cawangan **PERLIS**
Haji Wan Abaid Haji Wan Ismail



Pengetua
Cawangan **SARAWAK**
Dr. Ibrahim Abu Shah



Pengetua
Cawangan **KELANTAN**
Abdullah Mohamad



Pengetua
Cawangan **TERENGGANU**
Dr. Mohammad Muda



Pengetua
Cawangan **PAHANG**
Dr. Nasuddin Othman









Pengetua
Cawangan **PERAK**
Tuan Haji Mohd. Salleh
Haji Ismail



Pengetua
Cawangan **MELAKA**
Dr. Baharuddin Abdul Aziz



Pengetua
Cawangan **JOHOR**
Dr. Shahruddin Md. Salleh



Dr. Sulong Ahmad Kamarudin
**Dekan Kajian Sains Gunaan**



Fuziah Mohd Nadzar
**Dekan Kajian**
**Sains Perpustakaan & Maklumat**



Wan Abd. Aziz Abd. Kadir
**Dekan Kajian**
**Sains Kesetiausahaan**



Hamidah Junid
**Ketua**
**Pusat Pendidikan Luar**



Dr. Haji Humam Haji Mohamed
**Ketua MEDEC**



Syed Omar Syed Mohamad
**Ketua Pusat Bahasa**



Hajjah Hawa Hamidon
**Ketua Pusat Kursus Luaran**



Zakaria Abdullah
**Ketua Pusat Pendidikan Islam**

# PENGGAWA



Syed Mohd Hassan Syed Subli
**Kolej Anggerik**



Hafazah Ab. Karim
**Kolej Jati Siswi**



Mat Salam Karnadi
**Kolej Jati Siswa**



Fisol Maidin
**Kolej Delima**



Normala Daud
**Kolej Cempaka/Kenanga**



Abd. Halim Mohd Ibrahim
**Kolej Perindu**



Sharifah Zarohan Jaafar
**Kolej Seroja**



Zuraidah Yaakub
**Kolej Delima Siswi**

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA




## ITM Seluruh Malaysia

- ■ Induk - Shah Alam, Selangor.
- ● Cawangan Sarawak, Semariang.
- ● Cawangan Sabah, Kuala Menggatal.
- ● Cawangan Perlis, Arau.
- ● Cawangan Terengganu, Dungun.
- ● Cawangan Johor, Segamat.
- ● Cawangan Melaka, Lendu.
- ● Cawangan Perak, Seri Manjung.
- ● Cawangan Pahang, Jengka.
- ● Cawangan Kelantan, Macang.

# DEKAN-DEKAN KAJIAN/KETUA-KETUA PUSAT



Dr. Johari Samidi
**Dekan Kajian Perakaunan**



Dr. Muhamad Tamyez Haji Bajuri
**Dekan Kajian**
**Seni Lukis & Seni Reka**



Dr. Mohamed Dahlan
Mohamed Ramli
**Dekan Kajian Kejuruteraan**



Dr. Mohd. Tahir Hj. Abdul Hamid
**Dekan Kajian**
**Perniagaan & Pengurusan**



Dr. Sahar Sawiran
**Dekan Kajian**
**Sains Matematik & Komputer**



Dr. Bukhory Haji Ismail
**Dekan Sebaran Am**



Chek Zaini bt. Hassan
**Dekan Kajian Pengurusan**
**Hotel & Penyediaan Makanan**



Zita Mohd. Fahmi
**Dekan Kajian**
**Pentadbiran & Undang-Undang**



Kamariyah Kamsah
**Dekan Kajian**
**Senibina, Perancangan & Ukur**

# FALSAFAH OBJEKTIF DAN STRATEGI ITM

## FALSAFAH

Konsep penubuhan ITM telah diasaskan kepada empat keyakinan atau hakikat yang secara langsung merangkumi pendidikan di Institut ini. Kesimpulan falsafah ini ialah:-

1. Bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan semulajadi untuk belajar.

2. Bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehendak dan keperluan masyarakat.

3. Bahawa pendidikan boleh memainkan peranan penting dalam mengubah status sosio-ekonomi masyarakat.

4. Bahawa sesuatu kejayaan hanya dapat dicapai ke tahap yang paling tinggi melalui pendidikan.

## DASAR, MATLAMAT DAN STRATEGI

Berdasarkan kepada penubuhan dan keperluan serta penekanan yang telah dikenalpasti oleh kerajaan untuk dilaksanakan bagi tempoh Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia, maka dasar, matlamat dan strategi Institut Teknologi MARA dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:-

### Dasar

Mendidik dan melatih Bumiputra supaya menjadi cendekiawan profesional yang cekap untuk membolehkan mereka menjadi agen perubahan dalam pembangunan negara.

### Matlamat

1. Mengeluarkan lulusan yang serba boleh dari segi mental, fizikal dan kerohanian dalam bidang-bidang sains, teknologi, perniagaan dan pengurusan selaras dengan kehendak negara.

2. Membentuk dan memupuk sifat-sifat amanah, dedikasi, toleransi dan kesetiaan di kalangan pelajar melalui penanaman nilai-nilai kepimpinan dan disiplin supaya mereka dapat menjadi pemimpin yang cekap, bedisiplin dan produktif, sambil menyedari hakikat sambil mengimbangkan pembangunan dengan meninggikan taraf hidup masyarakat miskin.

3. Menanamkan semangat keberanian dan keyakinan untuk menjadi lulusan yang boleh berdikari.

4. Melahirkan tenaga manusia yang mempunyai sifat-sifat keterampilan (resilient).

5. Menerapkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar.

6. Meluaskan peluang pembelajaran kepada lebih ramai Bumiputra yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan kelayakan akademik mereka melalui Pendidikan Jarak Jauh.

7. Meningkatkan mutu pembelajaran ke arah mencapai teknologi tinggi bagi memenuhi keperluan negara.

8. Melaksanakan projek penyelidikan melalui khidmat perundingan dan kajian bersama dengan sektor perdagangan dan perindustrian serta kerajaan di dalam dan di luar negeri.

**Strategi**

Matlamat-matlamat di atas akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:-

1. Mengadakan kursus profesional yang belum ditawarkan di institut pengajian tinggi dalam negeri dan mengukuhkan kursus profesional yang sedia ada.

2. Menubuhkan, membangun serta melengkapkan kampus-kampus cawangan.

3. Menerapkan nilai-nilai Islam di dalam semua kursus dengan tujuan untuk membolehkan para lulusan menghayati ciri-ciri Islam.

4. Menambah, memperluaskan dan memantapkan lagi kegiatan ko-kurikulum seperti PALAPES, KESATRIA, KEMUSA, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pengucapan Awam, Khidmat Masyarakat dan sebagainya, supaya nilai-nilai kesetiaan, cekap, amanah, dedikasi serta toleransi, berdisiplin dan bersopan santun dapat ditanamkan di kalangan pelajar.

5. Mendedahkan semua pelajar kepada pengalaman bekerja melalui latihan praktik untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan dengan lebih cepat.

6. Meningkatkan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam semua kursus supaya para lulusan dapat bersaing dengan lebih hebat dalam dunia perniagaan antarabangsa.

7. Memperluaskan dan meningkatkan penggunaan komputer dalam semua kursus selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

8. Mengadakan kursus-kursus peralihan dan kursus penyelamat untuk memberi peluang kepada pelajar- pelajar yang kurang berkeupayaan dari segi akademik supaya mereka dapat diserapkan dalam bidang-bidang lain sesuai dengan keupayaan mereka.

9. Mengkaji, menyemak dan menyusun semula kurikulum bagi kursus-kursus yang ditawarkan supaya ia bersesuaian dengan keperluan dan kehendak negara dengan menerapkan ciri-ciri yang dapat memupuk kesedaran ke arah membangunkan negara.

10. Menambahkan serta meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negeri supaya kursus secara usahasama dapat dilaksanakan disamping membolehkan para lulusan melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tersebut di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan.

11. Memperbaiki nisbah pensyarah: pelajar yang terdapat pada masa ini dengan menambah bilangan pensyarah sesuai dengan pertambahan bilangan pelajar agar sistem pendidikan dapat berjalan dengan teratur dan sempurna.

12. Memperbaiki, melengkap dan menambah segala kemudahan asas yang diperlukan oleh institut dan pelajar untuk menimbulkan suasana bekerja dan kehidupan di dalam kampus yang lebih damai dan harmoni.

13. Menyusun, memperkemaskan dan mempertingkatkan sistem latihan kepada kakitangan yang sedia ada sama ada untuk kakitangan akademik atau bukan akademik dengan tujuan untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka yang akan dapat menghasilkan mutu pembelajaran dan perkhidmatan yang tinggi.

# TUJUAN MINGGU SILATURAHIM

1. Untuk memperkenalkan Institut Teknologi MARA dan lebih dekat dan membantu para pelajar menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan kampus ITM.

2. Menyuburkan minat untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari dan mencapai kecemerlangan ilmu.

3. Untuk membimbing masyarakat pelajar dalam pembentukan sahsiah diri yang mulia dan bertakwa.

4. Membentuk pelajar supaya lebih berdisiplin dengan memahami peraturan ITM.

# PERATURAN PELAJAR BARU

1. Semua pelajar baru dikehendaki mengikuti program Minggu Silaturahim.

2. Hendaklah memahami isi kandungan Akta 174 secara mendalam.

3. Hendaklah mematuhi arahan-arahan dari Pegawai atau Pembantu Minggu Silaturahim yang bertugas.

4. Hendaklah memakai pakaian yang sopan di sepanjang kehidupan di kampus.

5. Hendaklah memberitahu Pegawai atau Pembantu Minggu Silaturahim yang bertugas sekiranya menghadapi sebarang masalah.

6. Dilarang meninggalkan kampus tanpa mendapat kebenaran daripada Penolong Pengarah (Hal Ehwal Pelajar)/Pengetua atau pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Penolong Pengarah (Hal Ehwal Pelajar)/Pengetua.

7. Pelajar-pelajar yang didapati meninggalkan kampus selepas pendaftaran akan ditarik balik pendaftaran mereka. Dari itu adalah dinasihatkan supaya pelajar-pelajar menyelesaikan semua masalah dan tugas yang masih belum diselesaikan sebelum melaporkan diri di ITM.

8. Sila buat persiapan selengkapnya sebelum membuat pendfataran sebagai pelajar baru ITM.

9. Pelajar dilarang membuat kenyataan akhbar sepanjang Minggu Silaturahim berjalan.

# TUGAS-TUGAS PELAJAR

1. Menggunakan peluang dengan sepenuhnya untuk mendapat ilmu pengetahuan.

2. Mengendalikan masa depan sepenuhnya untuk meninggikan taraf akademik.

3. Menggunakan kemudahan akademik ke arah pencapaian kecemerlangan akademik.

4. Menggunakan peluang yang sepenuhnya program ko-kurikulum untuk meningkatkan sahsiah dan keperibadian.

5. Mematuhi undang-undang dan segala peraturan Institut. Meggunakan segala kemudahan dengan sepenuhnya dan dengan tidak membazir.

6. Pelajar-pelajar dikehendaki menghormati kakitangan akademik dan bukan akademik.

7. Berbaik-baik sesama siswa-siswi.

8. Hendaklah memelihara harta benda ITM dengan sebaik-baiknya.

9. Menghormati tatasusila berdasarkan agama dan bersopan santun dari segi kelakuan dan pakaian serta rupadiri.

# PROGRAM

Sehingga kini sebanyak 117 jenis kursus telah ditawarkan yang meliputi peringkat sarjana, lepasan ijazah, diploma lanjutan, kursus profesional/luaran sarjana muda, diploma dan sijil melalui kampus induk di Shah Alam dan kampus-kampus cawangan yang terletak di negeri-negeri dalam Malaysia. Kursus-kursus ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan kehendak tenaga manusia dan negara. Sebanyak 47 dari kursus yang ditawarkan oleh ITM itu tidak terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi lain dalam negeri.

ITM juga bertanggungjawab membentuk pelajarnya ke arah yang digariskan didalam objektif ITM. ITM menawarkan kegiatan-kegiatan kokurikulum kepada pelajar-pelajarnya. Antara kegiatan kokurikulum yang ditawarkan adalah Kesatria, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Amalan dan Asas Sosial Islam (ADASI), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Tentera Darat (PALAPES), Sukan, Kebudayaan, Asas Bina Negara (ASABINA), Kembara Usahawan (KEMUSA), Kaunselor Rakan Sebaya (KAMU), Pengucapan Awam dan Pertanian Bersepadu.

Sebagai sebuah institusi yang menuju ke arah Pengislaman Ilmu dan penerapan nilai-nilai Islam, ITM mewajibkan pelajar-pelajarnya mengambil matapelajaran Pendidikan Islam.

Di samping itu Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang wajib. Semua pelajar mesti lulus dalam matapelajaran Bahasa Inggeris sebelum mendapat diploma.

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA - SEKALI IMBAS

## PENDAHULUAN

Institut Teknologi MARA adalah satu-satunya institusi pengajian tinggi yang diwujudkan untuk membuka peluang bagi seramai mungkin anak-anak Bumiputra dari luar bandar menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman dalam pelbagai bidang profesion yang dapat meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup mereka kepada satu peringkat yang lebih baik daripada sebelumnya.

Falsafah ITM adalah bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan semulajadi untuk belajar dan jika dibebaskan dari belenggu-belenggu yang dikaitkan dengan kemiskinan dan ketiadaan, dan dididik dalam satu suasana pembelajaran yang berkesan maka ia pasti mencapai potensinya yang sedia ada.

Objektif ITM adalah untuk melahirkan Bumiputra terlatih dalam pelbagai bidang dan profesion yang mempunyai sifat-sifat mulia dan berakhlak tinggi yang dapat menjadi pemimpin yang berdisiplin, cekap dan produktif serta menjadi agen penggerak di dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.

## IMBASAN SEJARAH

Institut Teknologi MARA bermula dengan serba sederhana sebagai Dewan Latihan RIDA pada bulan November 1956 dengan menawarkan kursus-kursus pendek keusahawanan dan juga kursus perdagangan peringkat rendah kepada seramai 25 orang pelajar di kampus pertama di Petaling Jaya. Tujuan Dewan Latihan RIDA adalah untuk memberi peluang mendapat latihan dalam bidang perniagaan untuk anak-anak Bumiputra dari luar bandar.

Menjelang tahun 1965, nama Dewan Latihan RIDA diubah kepada Maktab MARA, sesuai dengan perubahan nama kepada badan induknya yang telah ditukar nama kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Dua tahun kemudian, pada bulan Oktober 1967, Maktab MARA telah ditukar nama menjadi institut Teknologi MARA dengan peranan yang lebih penting iaitu menawarkan kursus profesional dan ikhtisas kepada anak-anak Bumiputra dari luar bandar yang dapat meningkatkan lagi taraf ekonomi keluarga.

Pada tahun 1973, ITM mencatat sejarah sebagai pusat pengajian tinggi tempatan yang pertama menubuhkan kampus cawangan di Sabah dan Sarawak. Jenis pengajian yang ditawarkan oleh ITM menghadapi permintaan yang tinggi yang mendesakkan penubuhan kampus cawangan di hampir setiap negeri.

Dalam tahun 1976, Akta ITM telah diluluskan dan ITM diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, tidak lagi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan luar Bandar dan MARA.

Program-program akademik terus berkembang dengan pesatnya dari peringkat sijil hingga kepada peringkat sarjana dengan usahasama universiti-universiti luar negeri.

# ITM KINI

## KAMPUS INDUK

Terdapat di Bukit Ilmu di bandar indah Shah alam, ibu negeri Selangor Darul Ehsan. ITM merupakan salah satu bangunan yang utama dan satu kebanggan ibu negeri. Kawasan perindustrian yang berhampiran memperkukuhkan lagi program akademik ITM dengan memberi peluang latihan amali untuk pelajar-pelajar mendapat pengalaman sebenar dalam bidang masing-masing. Di samping itu, dengan adanya Masjid Negeri, Perpustakaan Negeri, Taman Rekreasi dan sebagainya, pembinaan rohaniah, akal fikiran dan fizikal pelajar adalah lebih sempurna.

## KAMPUS CAWANGAN

Sehingga kini ITM mempunyai sembilan buah kampus cawangan yang telah didirikan di seluruh negara kecuali di Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persetukuan. Kampus-kampus cawangan ITM kini terletak di bandar-bandar berikut:- Kuala Menggatal, Sabah, Kuching, Sarawak, Arau, Perlis, Sri Manjung, Perak, Bandar Melaka, Melaka, Segamat, Johor, Kuantan, Pahang; Dungun, Terengganu dan Kota Bharu, Kelantan.

Dengan adanya kampus-kampus cawangan, peluang mendapatkan didikan profesional bagi anak-anak Bumiputra setempat adalah lebih baik dan justeru itu peluang penglibatan aktif dalam aktiviti ekonomi negara terbuka dengan lebih luas kepada masyarakat setempat.

## ENROLMEN PELAJAR

Dari jumlah seramai 25 orang pada tahun penubuhan ITM, jumlah pelajar kini telah meningkat kepada seramai 25,714 orang pelajar termasuk seramai 11,923 di kampus induk dan selebihnya di sembilan buah kampus cawangan (perangkaan sehingga Mac 1993). Angka ini tidak termasuk seramai 6,000 yang mengikuti pengajian persediaan di Pusat Pendidikan Persediaan.

## JUMLAH LULUSAN

Sehingga Konvokesyen April 1993, jumlah lulusan ITM ialah 76,481 orang. Dengan lulusan profesional yang diperolehi, mereka dapat diserapkan dalam pelbagai jawatan jawatan di sektor swasta dan kerajaand dan ada juga telah menjadi usahawan berjaya

## ALUMNI ITM

Unit Perhubungan Alumni ITM ditubuhkan pada 15 April 1979, dengan tujuan untuk menjalinkan perhubungan di antara lulusan ITM serta perhubungan dengan lain-lain badan atau firma di mana terdapat lulusan-lulusan ITM berkhidmat

## TENAGA AKADEMIK

Tenaga akademik ITM hingga April 1993 adalah lebih kurang seramai 2,336 pensyarah kebanyakkannya mempunyai ijazah sarjana ataupun kelayakan profesional dalam berbagai bidang pengajian. Bilangan pensyarah yang diberi kemudahan untuk mempertingkatkan lagi taraf kelulusan mereka kian meningkat dan jumlah yang mempunyai pengalaman profesional juga semakin baik.

## PROGRAM AKADEMIK ITM

Kursus-kursus yang ditawarkan di ITM meliputi berbagai-bagai bidang dan ditempatkan di bawah 12 buah kajian dan 2 Pusat:-

* Kajian Perakaunan
* Kajian Seni Lukis & Seni Reka
* Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
* Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
* Kajian Sains Gunaan
* Kajian Perniagaan dan Pengurusan
* Kajian Sains Matematik dan Komputer
* Kajian Kejuruteraan
* Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan
* Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
* Kajian Sebaran Am
* Kajian Sains Kesetiausahaan
* Pusat Kursus Luaran
* Pusat Bahasa

Melalui Kajian-kajian ini (jika tidak mengambil Pusat Pengajian Luar (PPL), ITM menawarkan 117 kursus dari peringkat sijil hingga kepada peringkat sarjana. Di peringkat sarjana, ITM menawarkan Executive Master of Business Administration (part-time) dan MBA (sepenuh masa) dengan usahasama Universiti Ohio.

Di peringkat ijazah, ITM menawarkan Bachelor of Bachelor of Science (Computer Science), usahasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebanyak 16 kursus diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagai setaraf dengan ijazah am seperti Diploma Sebaran Am, Diploma Sains Perpustakaan dan Maklumat, Diploma Undang-Undang, Diploma dari Kajian Seni Lukis dan Seni Reka.

Jumlah diploma lanjutan kini berjumlah 20 manakala jumlah kursus peringkat diploma adalah 43 dan jumlah kursus berperingkat sijil ialah 10.

Selain kursus sepenuh masa, ITM juga memberi peluang kepada mereka yang telah bekerja tetapi memerlukan kelayakan akademik untuk mengikuti beberapa program pengajian peringkat diploma dan diploma lanjutan melalui Pusat Pengajian Luar. Program ini ditawarka n di hampir semua k ampus cawangan ITM di mana kuliah-kuliah diadakan di waktu petang dan malam. Calon-calon luar kampus mengambil masa antara 4 - 7 tahun untuk menyempurnakan keperluan kursus mereka.

# PUSAT-PUSAT AKADEMIK

Beberapa pusat akademik telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pengajian tertentu.

## PUSAT BAHASA

Menyelaras pengajian bahasa di seluruh Institut. Selain Bahasa Malaysia dan Inggeris, Pusat Bahasa juga menawarkan kursus bahasa asing termasuk Bahasa Jerman, Peranchis, Mandarin, Tamil, Arab dan Jepun. Pusat Bahasa juga menawarkan kursus peringkat Lepasan Ijazah (post-graduate) iaitu Diploma in Teaching of English as a Second Language (TESL) bagi mereka yang berminat menjadi pensyarah Bahasa Inggeris.

## PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Bertujuan untuk mempertingkatkan taraf keilmuan dan kesedaran Islam di kalangan setiap pelajar sama ada pelajar Islam dan bukan Islam. Pelajar-pelajar adalah diwajibkan untuk mengikuti beberapa matapelajar Pendidikan Islam sepanjang masa mereka menjadi pelajar di mana-mana Kajian di ITM.

## PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN

Diwujudkan untuk menyediakan pelajar-pelajar lepasan SPM yang telah dipilih oleh JPA dan penganjur-penganjur lain untuk mengikuti kursus persediaan yang diperlukan untuk memasuki beberapa Universiti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

Pusat inijuga mengendalikan program American Associate Degree (AAD) di bawah rancangan kembar (twinning programme) dengan Midwest Universities consortium for International Activities (MUCIA).

Pusat ini juga mengendalikan program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) iaitu usahasama di antara ITM, Kementerian Pendidikan dan Universiti Kebangsaan Malaysia. PPP jugamenjalankan kursus Tahun Pertama bagi Universiti Northern Consortium, United Kingdom (ITM/NCUK) bagi kursus-kursus teknikal dan undang-undang. Program Australian Matriculation pula menyediakan pelajar-pelajar untuk memasuki universiti-universiti di Australia.

## PUSAT PENDIDIKAN LUAR

Kajian Luar Kampus telah ditubuhkan pada awal 1993 dengan tujuan untuk meningkatkan lebih ramai lagi kaum Bumiputera berkecimpung di bidang iktisas dan separa iktisas. Kajian ini mengendalikan kursus-kursus di peringkat sijil dan diploma bagi mereka yang sedang bekerja di sektor-sektor awam dan swasta untuk melatih dan menghasilkan lebih ramai lagi tenaga Bumiputera yang terlatih di bidang teknikal, iktisas dan separa iktisas serta menambahkan pengetahuan dan kelayakan yang lebih tinggi untuk kerjaya mereka.

Pada awal 1990, Kajian Luar Kampus telah menukarkan namanya kepada Pusat Pendidikan Luar sesuai dengan tanggungjawabnya yang semakin bertambah. Pada waktu yang sama, Pusat Pendidikan Luar telah melancarkan satu sistem pembelajaran yang baru iaitu Pendidikan Jarak Jauh. Pusat Pendidikan Luar mempunyai 3 unit untuk menjalankan program-programnya iaitu unit Program Pengajian Luar Kampus, unit Program Pendidikan Jarak Jauh dan unit Kursus-kursus jangka Pendek.

## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

